



ULASAN BUKU / BOOK REVIEW

AL-MUHAQQIQU AL-JINĀ'YY FĪ AL-FIQHI AL-ISLĀMIYY

(المحقق الجنائي في الفقه الإسلامي)

¹Muhammad Hazim Ahmad & ^{*1,2}Ahmad Syukran Baharuddin

¹ Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ),
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai,
Negeri Sembilan, Malaysia.

² Academy of Islamic Civilisation, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu, Johor,
Malaysia.

*Corresponding author. E-mail: ahmadsyukran@usim.edu.my

Al-Muhaqqiqu al-Jinā'iy fī al-Fiqhi al-Islāmiyy oleh Abdullah bin Muhammad bin Saad al-Khunain. Riyadh: Maktabat Al-'ubaykān, 2005M/1426H, 276 halaman, ISBN 9960490564.

ABSTRACT

This paper reviews a contemporary Arabic book in the field of Sharia law. The title of this book is '*al-Muhaqqiqu al-Jinā'iy fī al-Fiqhi al-Islāmiyy*' which means 'Criminal investigators in Islamic law'. This 276-page book was written by Abdullah bin Muhammad bin Saad al-Khunain using Arabic language. This book specifically discusses the investigation and criminal proceedings within the framework of Islamic law. This book is the first print published by Maktabat Al-'ubaykān company in Riyadh in 2005 AD. The main purpose of this book is to fill the gaps related to criminal offenses in Islamic criminal law. According to the author, criminal investigation is a matter prescribed in Islam through the provision of verse 6 in Surah al-Hujurat. Since the Shariah academic world in Malaysia is actively studying forensic evidence in the Shariah Court, the commentators would like to suggest that this book be used as one of the main references. This is because the discourse of forensic evidence is very close to the description of criminal investigators discussed by the author in this book. Commentators also found that almost all the main debates in the book are very relevant to the context of the discussion of forensic evidence in the Syariah Court. Therefore, it is a must for researchers of Sharia law in Malaysia to refer to this book first in an effort to make comments on Sharia law in Malaysia.

Keywords: Book review, Islamic criminal law, investigation, Shariah law



ABSTRAK

Makalah ini mengulas tentang sebuah kitab arab kontemporari dalam bidang undang-undang Syariah. Judul buku ini ialah 'al-Muḥaqqiqu al-Jinā'īyy fī al-Fiqhi al-Islāmiyy' yang bermaksud 'Penyiasat jenayah dalam undang-undang Islam'. Buku setebal 276 muka surat ini ditulis oleh Abdullah bin Muhammad bin Saad al-Khunain dengan menggunakan bahasa Arab. Buku ini membahaskan secara khusus tentang perihal siasatan dan prosiding jenayah dalam kerangka undang-undang Islam. Buku ini adalah cetakan pertama yang diterbitkan oleh syarikat Maktabat Al-'ubaykān di Riyadh pada tahun 2005 Masihi. Tujuan utama buku ini dihasilkan adalah untuk mengisi kelompangan berkaitan jenayah jenayah dalam undang-undang jenayah Islam. Menurut penulis, penyiasatan jenayah adalah suatu perkara yang disyariatkan dalam Islam menerusi peruntukan ayat 6 dalam Surah al-Hujurat. Memandangkan dunia akademik Syariah di Malaysia sedang rancak mengkaji tentang pembuktian forensik di Mahkamah Syariah, maka, pengulas ingin mencadangkan agar buku ini dijadikan sebagai salah satu daripada rujukan utama. Hal ini kerana wacana pembuktian forensik tersebut sangat rapat dengan perihal penyiasat jenayah yang dibahaskan oleh penulis dalam bukunya ini. Pengulas juga mendapati bahawa hampir kesemua perbahasan utama dalam buku tersebut sangat relevan dengan konteks perbincangan pembuktian forensik di Mahkamah Syariah. Oleh itu, adalah menjadi kenyataan kepada penyelidik undang-undang Syariah di Malaysia untuk merujuk kepada buku ini terlebih dahulu dalam usaha untuk membuat komen terhadap undang-undang Syariah di Malaysia.

Kata Kunci: Ulasan buku, Undang-undang jenayah Islam, penyiasatan, Syariah

Biografi Buku

Judul buku ini ialah 'al-Muḥaqqiqu al-Jinā'īyy fī al-Fiqhi al-Islāmiyy' yang bermaksud 'Penyiasatan jenayah dalam perundangan Islam'. Buku setebal 276 muka surat ini ditulis oleh Abdullah bin Muhammad bin Saad al-Khunain dengan menggunakan bahasa Arab. Buku ini membahaskan secara khusus tentang perihal siasatan dan prosiding jenayah dalam kerangka perundangan Islam. Buku ini adalah cetakan pertama yang diterbitkan oleh syarikat Maktabat Al-'ubaykān di Riyadh pada tahun 2005 Masihi.

Tujuan utama buku ini dihasilkan adalah untuk mengisi kelompangan berkaitan penyiasatan jenayah dalam perundangan jenayah Islam. Menurut penulis, penyiasatan jenayah adalah suatu perkara yang disyariatkan dalam Islam menerusi peruntukan ayat 6 dalam Surah al-Hujurat:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَيْهِ
مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu



(mengenalinya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

(*Surah al-Hujurat (49): 6*)

Dalil ini menunjukkan bahawa penyiasatan adalah perkara yang tidak asing dalam perundangan Islam. Penulis turut menyatakan bahawa penyiasatan juga pernah dilakukan oleh para pemerintah Islam terdahulu. Hal ini termasuklah Nabi (s.a.w.) yang telah melakukan penyiasatan dalam beberapa kes yang dihadapi kepadanya, termasuklah kes perzinahan Ma'iz bin Malik.¹ Selain itu, para khalifah terdahulu juga turut menjalankan penyiasatan terhadap beberapa kes jenayah, termasuklah seperti mana yang telah dilaksanakan oleh Saidina Ali (r.a.) dalam kes pembunuhan. Hal ini telah pun dibahas dengan panjang lebar oleh penulis pada bab ketujuh dan kelapan dalam perbincangan yang kelapan.

Sungguhpun demikian, penulis mendapati bahawa perbincangan mengenai perihal penyiasat jenayah ini kurang mendapat perhatian dalam kalangan ulama terdahulu mahupun kontemporari. Sebaliknya, mereka telah memberikan tumpuan dan perhatian yang lebih kepada perihal kehakiman dan *hisbah*. Bahkan mereka juga turut menulis pelbagai buku yang secara khusus membicarakan tentang kedua-dua perkara tersebut.

Hakikatnya, penyiasatan dalam Islam mempunyai peranan dan kepentingannya yang tersendiri. Penulis telah menyatakan hal ini seperti berikut:

التحقيق في الجرائم من الأمور المهمة التي تتعلق بصيانة الدين والأنفس والعقول والأعراض والأموال وحرّيات الناس واحترامها وفق قواعد الشريعة الإسلامية وضوابطها، وتحصل به الموازنة بين حقوق الأفراد وحقوق الجماعة، والمحقق أسّ التحقيق وسبب في نجاحه أو إخفاقه، فلا غرو أن ينال الاهتمام بموضوعه.

Terjemahan: Penyiasatan jenayah adalah salah satu perkara penting yang berkaitan dengan pemeliharaan agama, nyawa, akal, kehormatan dan harta; kebebasan umat manusia serta penghormatannya selaras dengan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan Syariah Islam, dan dengannya juga keseimbangan dapat dicapai antara hak individu dan hak umum. Penyiasat adalah asas kepada penyiasatan dan menjadi sebab kejayaan atau kegagalannya, maka tidak hairanlah ia mempunyai kepentingan tertentu di dalam subjeknya (al-Hunain, 2005, p. 8).

Sungguhpun terdapat banyak kepentingan dan keutamaan, perbincangan mengenainya masih kurang mendapat tumpuan sehingga wujudnya jurang ilmiah dalam dunia akademik. Oleh

¹ Hadis ini telah dilaporkan oleh al-Buḥārī (2018) di dalam *Ṣaḥīḥ al-Buḥārī*, hadis bil. 5270, yang diriwayatkan dari Jabir bin Abdillāh (r.a.), serta hadis bil. 6824, yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas (r.a.). Begitu juga dilaporkan oleh Abu Dāūd (2013) di dalam *Sunan Abī Dāūd*, hadis bil. 4419, yang diriwayatkan dari Nu'aim bin Hazzal.



yang demikian, bagi merapatkan jurang ilmiah tersebut, penulis telah menulis buku '*al-Muhaqqiqu al-Jinā'īyy fi al-Fiqhi al-Islāmiyy*'. Kandungan buku tersebut telah dilengkapi dengan sepuluh perkara utama seperti pada Rajah 1 di bawah:

Senarai kandungan buku *al-Muhaqqiqu al-Jinā'īyy fi al-Fiqhi al-Islāmiyy*

- Pengenalan
(*al-Muqaddimah*)
- Maksud dan perihal penyiasat jenayah
(*al-Murādu bil-muhaqqiq al-jinā'īyyi, wa-tawṣīfuhu*)
- Syarat-syarat penyiasat jenayah
(*Ṣurūṭ al-muhaqqiq al-jinā'īyyi*)
- Ciri-ciri khusus penyiasat jenayah
(*Ṣifāt al-muhaqqiq al-jinā'īyyi*)
- Etika penyiasat jenayah
(*Ādāb al-muhaqqiq al-jinā'īyyi*)
- Kebebasan penyiasat jenayah, serta kelayakkannya berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang kerjanya.
(*Istiqlāl al-muhaqqiq al-jinā'īyyi, wa-ta'hiluhu bil-khibrati wat-tajribati fi majāli 'amaluhu*)
- Menghalang penyiasat jenayah daripada menyiasat, dan berakhir jawatannya sebagai penyiasat jenayah.
(*Mana 'a al-muhaqqiq al-jinā'īyyi min-al-tahqīqi, wa-tanaḥayyuhu*)
- Pembantu penyiasat jenayah.
(*A'wān al-muhaqqiq al-jinā'īyyi*)
- Bidang tugas penyiasat jenayah
(*A'māl al-muhaqqiq al-jinā'īyyi*)
- Penutup
(*al-Hātimah*)

Rajah 1: Senarai kandungan buku *al-Muhaqqiqu al-Jinā'īyy fi al-Fiqhi al-Islāmiyy*

Berdasarkan kepada Rajah 1 di atas penulis telah membahagikan isi kitab kepada lapan bab utama berserta dengan pengenalan dan penutup. Pembahagian ini adalah bersesuaian dengan tema utama buku, serta disusun secara sistematik bagi memudahkan pembaca memahami dan mengikuti alur pembahasan.

Modus operandi digunakan oleh penulis adalah berbentuk induktif (*istiqrā'*), adaptasi (*takyīf al-fiqhi*), dan kesimpulan (*istintāj*) di antara kerangka perbahasan para ulama terdahulu dengan latar belakang dan konteks perundangan jenayah semasa. Hal ini berkemungkinan adalah disebabkan oleh rujukan yang terhad berkaitan perihal penyiasat jenayah. Penulis telah mengambil intipati perbahasan ilmuan Islam daripada pelbagai mazhab fiqh Islam termasuklah Hanafi, Maliki, Syafi'e, dan Hanbali. Sekiranya terdapat percanggahan pendapat, maka beliau akan memilih pendapat yang paling tepat berdasarkan kepakaran dan kemahirannya dalam bidang guaman dan kehakiman Islam. Penulis juga banyak merujuk kepada buku perundangan dan kehakiman Islam, antaranya adalah seperti berikut:



1. *Adab al-Qāḍī* dan *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* kedua-duanya ditulis oleh al-Māwardī (w. 450H/1058M)
2. *Adab al-Qāḍī* ditulis oleh Ibnu Abi ad-Dam (w. 642H/1244M)
3. *Adab al-Qāḍī* ditulis oleh Ibnu al-Qāṣ (w. 335H/946M)
4. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* ditulis oleh Abu Ya'la al-Farrā' (w. 458H/1066M)
5. *al-Bahjah fī Sharḥi al-Tuḥfah 'alā al-Urjuzah al-Musammāh bi-Tuḥfah al-Hukkām* ditulis oleh al-Tusūlī (w. 1258H/1842M)
6. *al-Ghiyāthī - Ghiyāthu al-Umami fī al-Tiyāthi al-Zulami* ditulis oleh Abū al-Ma'ālī al-Juwaynī (w. 478H/1085M)
7. *al-I'lām bi-Nawāzil al-Aḥkām* ditulis oleh Abu al-Aṣḥagh (w. 486H/1073M)
8. *al-Tashrī' al-Jinā'i al-Islāmī Muqāraran bil-Qānūn al-Wadh'i* ditulis oleh Abdul Qadir 'Awdah (w. 1373H/1954M)
9. *aṭ-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsati al-Shar'iyyati* dan *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabbi al-'Alamīn* kedua-duanya ditulis oleh Ibnu al-Qayyim al-Jawziyyah (w. 751H/1350M)
10. *Durar al-Hukkām Sharḥ Majallah al-Aḥkām* ditulis oleh Ali Ḥaydar (w. 1353H/1934M)
11. *Jawāhirul 'Uqūd wa-Mu'īnūl Quḍāh wal-Muwaqqi'īn wasyḥ-Syuhūd* ditulis oleh al-Minhājī al-Asyūṭī (w. 880H/1475M)
12. *Mu'īn al-Hukkām fīmā Yataraddadu Bayna al-Khaṣṣmaini mina al-Aḥkāmī* ditulis oleh al-Ṭarābulusi (w. 844H/1440M)
13. *Muzīl al-Malām 'an Hukkāmī al-Anāmī* ditulis oleh Ibnu Khaldūn (w. 808H/1406M)
14. *Rawḍah al-Quḍāh wa-Ṭarīq an-Najāh* ditulis oleh Ibnu al-Simnānī (w. 499H/1105M)
15. *Sharḥ Adab al-Qāḍī lil-Khaṣṣāf* ditulis oleh al-Ṣadru al-Syahīd (w. 536H/1141M)
16. *Tabṣīrah al-Hukkām fī Uṣūli al-Aqdiyyati wa Manāhiḥ al-Aḥkāmī* ditulis oleh Ibnu Farḥūn (w. 799H/1397M)
17. *Tanbih al-Hukkām 'alā Māhiḍ al-Aḥkām* ditulis oleh Ibnu al-Munāsif (w. 620H/1223M)

Dalam bukunya yang lain berjudul Pengenalan kepada Fiqh Prosiding Kehakiman (*al-Madkhal ilā Fiqhi al-Murāfa'āt*), penulis telah menyatakan beberapa keutamaan serta kepentingan merujuk kepada buku-buku yang berteraskan guaman dan kehakiman Islam. Di antara keutamaan dan kepentingan tersebut adalah buku-buku ini menyediakan banyak fakta tentang guaman dan kehakiman, yang tidak dibahaskan dalam buku-buku fiqh arus perdana. Maklumat yang disediakan juga sangat terperinci kerana ianya ditulis oleh mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang guaman dan kehakiman Islam. Ilmu guaman dan kehakiman tidak sama dengan pengetahuan am yang lazim dalam fiqh Islam. Oleh itu, sebarang perkara yang berkaitan dengannya harus ditangani dengan rujukan yang khusus dalam bidang tersebut.

Biografi Penulis

Nama penuh penulis buku *al-Muḥaqqiqū al-Jinā'iyy fī al-Fiqhi al-Islāmiyy* ini ialah Syeikh Abdullah bin Muhammad bin Saad al-Khunain. Beliau dilahirkan pada tahun 1376H/1957M di Al Kharj, Arab Saudi (Alukah, 2022).

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah pada tahun 1398 Hijrah dari Fakulti Syariah, Universiti Islam Imam Muhammad bin Saud di Riyadh. Beliau telah memperoleh Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang tafsir dan hadis dari Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Imam Muhammad bin Saud. Beliau juga pernah berkhidmat dalam badan kehakiman



selama dua puluh sembilan tahun bermula dari tahun 1398H/1977M hingga 1426H/2003M. Beliau pernah ditugaskan menjadi hakim di Mahkamah Agung Riyadh dari tahun 1398H/1977M sehingga 1401H/1981M. Kemudian, beliau dipindahkan menjadi hakim bagi Bani Tamim dari tahun 1401H/1981M hingga 24 Syaaban 1405H/14 Mei 1985M. Setelah itu, beliau kembali berkhidmat di Mahkamah Agung Riyadh dari 25 Syaaban 1405H/15 Mei 1985M hingga 25 Ramadan 1424H/19 November 2003. Seterusnya, beliau dinaikkan pangkat menjadi hakim di Mahkamah Tamyiz dari tahun 1424H/2003M hingga 1426H/2005M (al-Maktabah al-Šamilah, t.t.; Alukah, 2022; Nuqayah, t.t.). Ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang sangat luas dalam kehakiman Islam.

Beliau pernah menganggotai Jawatankuasa Tetap Penyelidikan Ilmiah dan Kefatwaan (*al-Lajnah al-Da'imah lil-Buḥūth al-Ilmiyyah wal-Iftā'*) di Arab Saudi (Al Arabiya, 2013). Bahkan beliau turut menganggotai badan autoriti agama tertinggi di Arab Saudi yang dikenali sebagai Majlis Ulama Kanan (*Hay'ah Kibār al-'Ulamā'*) di Arab Saudi (Al Arabiya, 2013). Lantikan ini adalah suatu pengiktirafan terhadap kepakaran dan keilmuan beliau dalam bidang agama. Jelas di sini bahawa penulis adalah seorang tokoh yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang guaman dan kehakiman serta bidang agama.

Penulis sangat aktif dalam dunia akademik. Beliau telah menulis beberapa buah buku bertemakan perundangan dan kefatwaan seperti *Tanzīl al-Aḥkām 'ala al-Waqā'i' al-Qadā'iyyah wal-Fatwiyyah*, *al-Muḥaqqiq al-Jinā'i fī al-Fiqh al-Islāmī*, *al-Kāshif fī Sharḥi Nizām al-Murāfa'āt ash-Shar'iyyah as-Su'ūdiyyi*, *al-Madkhal ilā Fiqh al-Murāfa'āt*, *al-Fatwā fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, *Tasbīb al-Aḥkām al-Qadā'iyyah fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, dan *al-Taḥkīm fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Tambahan lagi, beliau juga ada menghasilkan beberapa penerbitan ilmiah lain seperti *Muqatarah 'an al-Tadrīb al-Qadā'i wa-Aḥammīyatihi*, *Tafsīr Nizām al-Murāfa'āt*, *al-Sawābiq al-Qadā'iyyah*, *Athar al-Fatwā fī Ta'kid Wasa'iyyah al-Ummah*, *Syurūṭ al-Muḥāmī*, *Tanzīl al-Aḥkām 'ala al-Waqā'i' al-Qadā'iyyah wal-Fatwiyyah fī al-Fiqh al-Islāmī*, *Marjī'iyyatul Aḥkām al-Qadā'iyyah*, dan *Istimdād Fiqh al-Murāfa'āt*.

Ulasan Buku

Buku ini mempunyai 10 bab yang dimulai dengan Pengenalan, diiringi dengan lapan perbahasan utama, dan diakhiri dengan Penutup. Ulasan buku ini dilakukan secara umum pada kebanyakan bab dan hanya akan membuat beberapa penekanan dan perincian secara khusus kepada beberapa bab tertentu.

Penulis memulakan penulisannya dengan memperkenalkan pembaca kepada aspek epistemologi penyiasat jenayah dalam Islam. Aspek epistemologi yang dimaksudkan termasuklah penjelasan mengenai kepentingan penyiasat jenayah, pensyariatannya bagi amalan penyiasatan jenayah, dan kemunculannya dalam sejarah perundangan Islam.

Pada bab pertama, penulis telah membahaskan aspek etimologi penyiasat jenayah. Penulis telah menerangkan definisi bagi frasa *al-Muḥaqqiq al-Jinā'iyy* dari segi bahasa dan istilah. Penulis mendapati bahawa tiada pentakrifan terhadap Penyiasat Jenayah (*al-Muḥaqqiq al-Jinā'iyy*) dari kalangan fuqaha terdahulu. Sungguhpun demikian, menurut penulis, pentakrifan mengenainya boleh dibina berasaskan kepada pentakrifan Penyiasatan Jenayah



(*al-Taḥqīq al-Jinā'īyy*) yang telah ditambahbaik. Oleh itu, penulis telah mentakrifkan Penyiasat Jenayah (*al-Muḥaqqiqu al-Jinā'īyy*) seperti berikut:

رجل ينوب عن ولي الأمر في الثبوت من صحة ما ينسب إلى المتهم من فعل محظور شرعي يترتب عليه قصاص أو عقوبة بما يؤكد التهمة أو ينفيها.

Terjemahan: Seseorang yang bertindak bagi pihak pemerintah dalam mengesahkan kesahihan perkara yang dikaitkan dengan tertuduh melakukan perbuatan yang dilarang oleh undang-undang yang boleh dikenakan pembalasan atau hukuman serta mengesahkan atau menafikan pertuduhan tersebut (al-Ḥunain, 2005, p. 18).

Seterusnya, menurut penulis lagi, penyiasat tidak boleh menjalankan penyiasatan kecuali dengan kebenaran pemerintah. Di antara bidang kuasa penyiasat jenayah adalah meneliti pertuduhan dan bahan-bahan bukti berkaitan dengannya, serta membuat kesimpulan berdasarkan hasil siasatannya sama ada pertuduhan tersebut berasas atau sebaliknya. Perihal ini, menurut penulis, adalah seperti perihal keterangan pakar (*ṣahādah ahli al-ḥibrah*). Hakim tidak perlu mempertimbangkan pendapat penyiasat jika asas dan sandaran pendapatnya tidak dijelaskan, atau ianya secara jelas bercanggahan dengan keterangan lain yang lebih kuat dan jelas.

Bab kedua hingga keempat adalah berkaitan dengan syarat-syarat penyiasat jenayah, ciri-cirinya, dan etikanya yang perlu dipatuhi. Penulis akur bahawa beliau tidak menjumpai mana-mana fuqaha yang membahaskan tentang ketiga-tiga aspek ini secara bebas dan berfokus. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah adaptasi (*takyīf al-fiqhi*), penulis telah membahas ketiga-tiga aspek tersebut dengan berpandukan kepada perbincangan fuqaha dalam perihal syarat-syarat, ciri-ciri serta etika hakim. Hal ini kerana penulis mendapati bahawa penyiasat tidak boleh menjalankan tugasnya tanpa mandat daripada pemerintah atau wakilnya. Ini menunjukkan bahawa penyiasat adalah sama seperti hakim kerana mereka tergolong dalam kalangan pihak yang diberikan mandat untuk melaksanakan tugas-tugas mereka. Ringkasan perbincangan bagi ketiga-tiga aspek ini adalah seperti pada Rajah 2 berikut:



Syarat-syarat Penyiasat Jenayah

- Beragama Islam (*al-Islām*)
- Baligh (*al-bulūḡ*)
- Berakal (*al-'aql*)
- Merdeka (*al-ḥurriyyah*)
- Berpengetahuan tentang perundangan Islam (*al-'ilm bil-aḥkām asy-syar'iyah*)
- Adil (*al-'adālah*)
- Lelaki (*al-ḍukūrah*)
- Sempurna pancaindera (*salāmah al-ḥawās*)

Ciri-ciri Khusus Penyiasat Jenayah

- Kefahaman yang menyeluruh terhadap sesuatu (*al-fahm*)
- Perancangan yang teguh dan pengamatan yang mendalam (*al-ḥazm fī at-tadbīr wa-bu'du an-nazar*)
- Bertenang (*ribāṭah al-ja'si*)
- Ketajaman fikiran (*al-fiṭnah*)
- Berhati-hati (*al-ta'nī*)
- Bersabar dan jauhi kemarahan (*al-ḥilm wa-tarku ḡaḍab*)
- Berkebolehan membuat pemerhatian (*quwwah al-laḥẓi*)
- Intuitif (*ḥuḍūr al-badihah*)
- Kuat ingatan (*quwwah al-ḥifẓi*)
- Khidmat dan perilaku yang mulia (*al-haybah wa-ḥusnu al-maẓhar*)

Etika Penyiasat Jenayah

- Keikhlasan kepada Allah, dan ketakwaan kepada-Nya serta pengawasan-Nya (*al-Ihlāṣ lillahi – 'azza wa-jalla – wa-taqwāhu wa-murāqabatuhu*)
- Berbincang ketika menghadapi sebarang kekeliruan dan permasalahan (*al-mušāwarah 'inda al-labsi wal-iškāli*)
- Penguatkuasaan dalam tindakan dan keputusan (*al-nafāḍ fī al-ijrā'āt wal-qarārāt*)
- Berlaku adil dan menjauhi berat sebelah (*al-inṣāf wa-tarku al-mayli*)
- Tekun dan sabar (*al-ijtihād wal-ṣabru*)
- Menjaga rahsia yang berkaitan dengan penyiasatan (*al-muḥāfaẓah 'alā al-asrār al-muta'alliqah bit-tahqīq*)
- Ramah dan pergaulan yang baik (*al-rifq wa-ḥusnu al-ta'āmul*)
- Elakkan daripada perkara-perkara yang mengubah keadaannya (*ijtināb mā yuḡaiyiru ḥālāhu*)
- Menolak daripada menerima rasuah, hadiah, dan seumpama dengannya (*imtinā 'uhu min qubūli riṣwah wa hadiyyah wamā fī ḥakamuhuma*)
- Mengetahui dialek rakyat negara itu (*al-'ilmu bi-lahjāti ahlu al-balad*)
- Keutuhan bahasa dan gayanya (*salāmah luḡatuhu wa-'uslūbuhu*)

Rajah 2: Syarat-syarat, ciri-ciri, dan etika penyiasat jenayah

Pada bab kelima, penulis telah membahaskan tentang kebebasan penyiasat jenayah, serta kelayakannya berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang kerjanya. Penulis telah membahagikan bab ini kepada dua bahagian, bahagian pertama membicarakan tentang kebebasan penyiasat jenayah, manakala bahagian kedua pula tentang kelayakan penyiasat jenayah berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang kerjanya. Apa yang dimaksudkan dengan kebebasan penyiasat ini ialah memelihara kedudukannya daripada campur tangan pemerintah atau pihak berkuasa lain dalam segala urusan kerjanya. Hal ini diperlukan bagi membolehkannya membuat penelitian dan keputusan yang adil berdasarkan kepada ijtihadnya, dan juga berdasarkan kepada hasil penyiasatannya. Berbalik pula kepada kelayakan penyiasat jenayah, setiap individu perlu memiliki kepakaran dan pengalaman yang luas bagi melayakkan dirinya menjadi penyiasat jenayah. Hal ini kerana kedua-dua perkara inilah yang akan memperhalusi kecekapan dan kualiti penyiasat. Selain itu, penyiasat juga akan dapat menguasai etika yang diperlukan bagi kerjanya, pertimbangan objektif, prinsip teori dan prosedur, serta berpuas hati dengan menerangkan



fakta dan mewajarkan keputusan penyiasatan. Pada kedua-dua bahagian dalam bab kelima ini, penulis telah memberikan hujah dan huraian yang kemas serta teratur pada setiap fakta dan kenyataan yang beliau berikan. Pelbagai dalil dan sumber rujukan telah dinukilkan sebagai sokongan dan banyak manfaat serta ilmu baru yang pengulas dapati daripada nukilan-nukilan tersebut.

Pada bab keenam, penulis telah membicarakan tentang menghalang penyiasat jenayah daripada melakukan penyiasatan serta berakhirnya jawatan seorang penyiasat. Di sini juga penulis telah membuat dua pembahagian iaitu bahagian pertama membicarakan tentang halangan daripada menjalankan penyiasatan, manakala bahagian kedua pula berkenaan berakhirnya kuasa penyiasat jenayah. Pada bahagian pertama, penulis telah menyatakan enam bentuk halangan yang boleh dikenakan ke atas penyiasat jenayah, antaranya:

- (i) Penyiasatan terhadap kes yang melibatkan kepentingan ke atas dirinya.
- (ii) Penyiasatan terhadap ahli keluarganya.
- (iii) Penyiasatan terhadap sanak-saudaranya.
- (iv) Penyiasatan terhadap musuhnya atau sahabatnya.
- (v) Penyiasatan melibatkan kes yang telah diketahui terlebih dahulu sebelum siasatan dilakukan.
- (vi) Penyiasatan melibatkan saksi dalam sesuatu kes itu adalah seorang yang keterangannya tidak diterima oleh penyiasat.

Perkara-perkara ini sebenarnya adalah seperti mana halangan yang dikenakan ke atas hakim atau saksi bagi mengelakkan tohmahan ke atas mereka. Kemudian, pada bahagian kedua, penulis menyatakan bahawa penyiasat jenayah boleh menarik diri daripada penyiasatan dalam dua keadaan:

- (i) Bimbang dirinya akan ditimpa kemudaratan ketika menjalankan penyiasatan.
- (ii) Merasakan bahawa kes tersebut terlalu rumit dan sukar untuk disiasat.

Selain itu, pada bahagian yang sama juga penulis ada menyatakan bahawa kuasa penyiasat jenayah akan berakhir sekiranya salah satu pihak yang bertikai membuat permohonan di mahkamah. Hal ini semestinya perlu disokong dengan hujah dan bukti yang kukuh. Seandainya permohonan supaya penyiasat tersebut digugurkan daripada penyiasatan adalah berasas dan dibuktikan dengan jelas, maka hakim berhak menggugurkan beliau daripada penyiasatan. Bab keenam ini adalah antara perbincangan yang ringkas di dalam buku ini. Hal ini disebabkan oleh kejelasan fakta dan isu permasalahan sehingga tidak memerlukan kepada huraian panjang lebar.

Pada bab ketujuh, penulis telah membahaskan tentang pembantu penyiasat jenayah. Bagi seseorang penyiasat, beliau memerlukan beberapa orang pembantu bagi melancarkan perjalanan tugasnya dalam penyiasatan. Pengulas telah mengamati perbincangan yang dibawakan dalam bab ketujuh ini, dan hasilnya, ia mempunyai persamaan dengan perbincangan berkaitan pembantu hakim yang telah banyak kali dibahaskan oleh para ulama terdahulu semisal al-Māwardī (1971), Ibnu Farḥūn (2016), dan al-Tarābulusi (2018), di dalam buku-buku mereka. Penulis telah memberikan keutamaan kepada tiga jenis pembantu



penyiasat jenayah iaitu ahli-ahli pakar (*al-ḥubārā'*), utusan (*rusul al-muḥaqqiq*), dan juga kerani (*kātib al-muḥaqqiq*).

Menurut penulis, penyiasat jenayah boleh merujuk kepada mereka yang mempunyai kepakaran berkaitan dengan pertuduhan yang sedang disiasat. Kepakaran mereka pelbagai dan berbeza-beza mengikut pengkhususan serta keperluan penyiasat jenayah. Berikut adalah yang paling utama di antara mereka: penjejak (*al-qāfah*), doktor (*al-aṭibbā'*), pakar makmal forensik (*ḥubārā' al-muḥtabarāt al-jinā'īyah*), pakar cap jari (*ḥubārā' al-baṣamāt*), dan penterjemah (*ḥubārā' al-lisān*). Mereka akan melaporkan perkara-perkara berkaitan dengan pertuduhan, sama ada yang dapat membuktikan atau menafikan kebenarannya, kepada penyiasat jenayah. Selain itu, penyiasat jenayah juga boleh menghantar orang bawahannya (*rusul al-muḥaqqiq*) untuk membuat tinjauan dan siasatan di tempat-tempat yang disyaki berkaitan dengan kes, kemudian melaporkan dapetannya kepada penyiasat jenayah. Tambahan lagi, penyiasat jenayah juga boleh mendapatkan bantuan keraninya (*kātib al-muḥaqqiq*) untuk merekodkan fakta-fakta siasatan dari awal hingga akhir proses penyiasatan.

Pada bab kelapan atau yang terakhir, penulis telah membahaskan tentang bidang tugas penyiasat jenayah. Pengulas mendapati bahawa perbahasan ini adalah yang paling panjang, mendalam, serta mencuri tumpuan. Penulis telah melampirkan 12 bidang tugas penyiasat jenayah seperti mana pada Rajah 3 di bawah, serta menghuraikan satu persatu maksud, konteks, dan skop bagi setiap bidang tugas tersebut. Setiap bidang tugas yang dinyatakan adalah kebanyakannya diambil dan diadaptasi daripada perbahasan para ulama terdahulu dalam bab-bab berkaitan *ahlu al-ḥibrah*, *al-hisbah*, *al-qismah*, *tazkiyyah aš-šuhūd*, dan yang seumpama dengannya. Menurut pengulas, bab kelapan adalah fokus utama penulis dan juga tumpuan utama buku ini. Hal ini berdasarkan kepada penelitian yang telah penulis lakukan pada bab ini. Penjelasan dan huraian yang dilakukannya pada bab kelapan ini adalah lebih mendalam berbanding bab-bab sebelumnya.



●	Pembinaan semula tempat kejadian jenayah dan pemeriksaan (<i>al-intiqāl wal-mu'āyanah</i>)
●	Melantik pakar rujuk (<i>nudiba al-ḥubarā'</i>)
●	Menyiasat (<i>al-taftīṣ</i>)
●	Menyita barang kes (<i>ḍabaṭa al-ašyā' al-muta'alliqah bil-jarīmati wat-taṣarrafu fihā</i>)
●	Mendengar kesaksian saksi (<i>simā' šahādah aš-šuhūd</i>)
●	Mendengar tuntutan dan membuat keputusan mengenainya (<i>simā' ṭalabāt al-ḥuṣūm wal-faṣlu fihā</i>)
●	Menyoal siasat tertuduh (<i>istajāwabu al-muttahim</i>)
●	Bersemuka ketika menyiasat (<i>al-muwājahah 'inda al-taḥqīq</i>)
●	Hadir untuk menyiasat (<i>al-iḥḍār lil-taḥqīq</i>)
●	Penangkapan dan pembebasan sementara (<i>at-tawqīf wal-ifrāj al-mu'aqqat</i>)
●	Mewakilkan seorang lagi dalam prosedur penyiasatan (<i>al-nadaba fi ijrā'āt al-taḥqīq</i>)
●	Pemindahan ketika penyiasatan (<i>at-taṣarraf fi al-taḥqīq</i>)

Rajah 3: Bidang tugas penyiasat jenayah

Pada bab Penutup, penulis telah membuat kesimpulan serta ringkasan bagi setiap perbahasan utama dengan menyatakan perkara-perkara penting yang beliau tekankan dalam setiap perbahasan. Hal ini sangat membantu para pembaca untuk mengulangkaji hasil pembacaan mereka serta memastikan sama ada kefahaman mereka selari dengan kehendak penulis ataupun sebaliknya.

Kesimpulan

Buku ini adalah antara buku yang selayaknya dijadikan rujukan utama dalam bidang penyiasatan jenayah Islam moden. Hal ini kerana tidak banyak buku yang berteraskan elemen penyiasatan jenayah Islam dihasilkan dalam dunia akademik, lebih-lebih lagi buku yang mengutamakan rujukan kepada sumber perundangan Islam serta buku-buku karya ulama bertemakan guaman dan kehakiman Islam. Pengulas tidak menafikan bahawa sudah ada beberapa penerbitan dengan tema penyelidikan yang sama. Akan tetapi, kebanyakan penerbitan yang dijumpai kurang berhujah menggunakan dalil-dalil daripada al-Quran dan Sunnah, bahkan para penulisnya juga kurang merujuk kepada buku-buku rujukan utama dalam bidang guaman dan kehakiman Islam seperti mana yang telah disenaraikan pada bahagian awal makalah ini.

Seterusnya, pada hemat pengulas juga, buku ini sepatutnya dimiliki oleh para ahli akademik, ahli perundangan, peguam, hakim, pensyarah, dan pelajar universiti terutamanya di Malaysia ini. Hal ini kerana konteks perbahasan dalam buku ini adalah



dekatan dan sesuai dengan realiti perundangan Syariah di Malaysia, terutamanya undang-undang tatacara jenayah Syariah dan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah. Suatu usaha penterjemahan atau pengalihan bahasa daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu juga perlu dilakukan demi memudahkan para hakim Syarie, pengamal undang-undang Syariah, ahli-ahli akademik, dan pelajar universiti di Malaysia untuk membacanya serta memahami dengan lebih mendalam. Setakat ini, pengulas belum menjumpai versi terjemahan bagi buku ini baik dalam Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris. Pengulas masih belum lagi menjumpai mana-mana buku versi terjemahan bahasa melayu. Oleh itu, mana-mana individu atau jabatan yang ingin membuat projek penterjemahan, maka buku ini adalah antara buku yang seharusnya diterjemahkan.

Tuntasnya, buku ini membahaskan tentang penyiasat jenayah secara khusus. Penulis menghasilkan buku ini dengan merujuk kepada pelbagai sumber perundangan Islam dan juga buku rujukan khusus dalam bidang guaman dan kehakiman Islam. Objektif utama beliau menghasilkan buku ini adalah bagi merapatkan jurang akademik sedia ada dalam hal-hal yang berkaitan dengan penyiasatan jenayah Islam. Setiap perbahasan di dalam buku ini telah disulami dengan beberapa dalil dan hujah bagi menyokong atau mengkritik sesuatu kenyataan yang dibuat. Ini bermakna penulis tidak semata-mata membuat kenyataan kosong atau pendapat peribadinya sahaja, sebaliknya, beliau akan menyatakan dalil dan hujah yang disandarkan bagi setiap perkara yang beliau nyatakan. Memandangkan dunia akademik Syariah di Malaysia sedang rancak membincangkan tentang pembuktian forensik di Mahkamah Syariah, maka, penulis ingin mencadangkan agar buku ini dijadikan sebagai salah satu daripada rujukan utama. Hal ini kerana wacana pembuktian forensik tersebut sangat berkait rapat dengan perihal penyiasat jenayah yang dibahaskan oleh penulis di dalam bukunya ini. Pengulas juga mendapati bahawa hampir kesemua perbahasan utama di dalam buku tersebut sangat relevan dengan konteks perbincangan pembuktian forensik di Mahkamah Syariah. Oleh itu, adalah menjadi suatu kemestian kepada para penyelidik undang-undang Syariah di Malaysia untuk merujuk kepada buku ini terlebih dahulu dalam usaha untuk membuat komentar terhadap perundangan Syariah di Malaysia.

Rujukan

- Abu Dāud, S. A. A. (2013). *Sunan Abī Dāwūd* (Sunt. Y. Hasan, I. Dalli, & I. al-Tiyar. Ed. 1). Damsyik: Mu'asasat al-Risalah.
- Al Arabiya. (2013, 16 Januari). Saudi king appoints new Supreme Court chief. *Al Arabiya News*. Diambil daripada: <https://english.alarabiya.net/News/2013/01/16/Saudi-king-appoints-new-Supreme-Court-chief>
- al-Buḥārī, M. I. (2018). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad al-Mukhtaṣar min Umūri Rasūlillahi ṣallallahu 'alaihi wasallam wa Sunanihi wa Ayyāmihi*. (Sunt. I. Dalli, I. al-Tiyar, & Y. Hasan. Ed. 3). Damsyik: Mu'asasat al-Risalah.
- al-Ḥaṭīb al-Širbīnī, M. A. (2015). *al-Iqnā' fī Ḥallī Alfāz Abī Shujā'* (Sunt. Q. M. A. al-Nuri. Ed. 1. Jil. 2). Damsyik: Maktabah Dar al-Fajr.
- al-Ḥunain, A. M. (2005). *al-Muḥaqqiq al-Jinā'ī fī al-Fiqhi al-Islāmī* (Ed. 1). Riyadh: Obeikan Bookshop.
- al-Maktabah al-Šamīlah. (t.t.). Abdullah bin Muhammad al-Khunain. Diambil daripada laman sesawang rasmi al-Maktabah al-Šamīlah: <https://shamela.ws/author/2957>



- al-Māwardī, A. M. (1971). *Adabu al-Qāḍī* (Sunt. M. H. al-Sarhan. Jil. 1). Baghdad: Matba'ah al-Irshad.
- al-Qarāfi, A. I. (2001). *Kitābu al-Furūqī: Anwāru al-Burūqī fī Anwā'i al-Furūqī* (Sunt. M. A. Sarraj & A. J. Muhammad. Ed. 1. Jil. 2). Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Ṭarābulusi, A. K. (2018). *Mu'īnu al-Ḥukkāmi fīmā Yataraddadu Bayna al-Khaṣmaini min al-Aḥkāmi* (Sunt. O. J. Dumayriyyah. Ed. 1. Jil. 1). Damsyik: Dar al-Qalam.
- Alukah. (2022). al-Sīrah al-Ḍātiah Ma'ālī al-Syaikh Abdullah bin Muhammad bin Saad al-Khunain. Diambil daripada: <https://www.alukah.net/web/khunayn/cv/>
- Ibnu Farḥūn, I. A. (2016). *Tabṣīratu al-Ḥukkāmi fī Usūli al-Aqdiyati wa Manāhiji al-Aḥkāmi* (Sunt. O. J. Dumayriyyah. Ed. 1. Jil. 1). Damsyik: Dar al-Qalam.
- Nuqayah. (t.t.). Abdullah bin Muhammad al-Khunain. Diambil daripada laman sesawang rasmi Turath: <https://app.turath.io/author/2957>
- Taqiyuddin al-Ḥiṣni, A. B. M. (2019). *Kifāyah al-Akhyār fī Ḥalli Ghāyah al-Ikhtiṣār* (Sunt. A. Sumait & M. S. Arbash. Ed. 7). Jeddah: Dar al-Minhaj.

* Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.